



BERLABUH...bot nelayan terdedah kepada bahaya berikutan tembok pemecah ombak yang pendek.

Terdedah badai

Tembok pemecah ombak sebagai lokasi pelindung bot tak cukup panjang

**>>Oleh Syed Ismail
Syed Abu Bakar**
am@hmetro.com.my

GEORGETOWN: Lebih 300 bot dan sampan nelayan pantai di Kampung Sungai Batu, Teluk Kumbar, dekat sini, kini terdedah kepada bahaya apabila tembok pemecah ombak dibina tidak dapat menampung jumlah bot yang berlindung terutama ketika keadaan cuaca tidak menentu.

Ini kerana tembok pemecah ombak yang dibina hanya sekadar 300 hingga 500 meter yang digunakan sebagai lokasi pelindung bot dan sampan nelayan

daripada mengalami kerosakan termasuk karam jika dihempas ombak besar dan angin kencang.

Tembok pemecah ombak itu yang sedia ada hanya mampu menampung sekitar 50 hingga 60 sampan nelayan manakala selebihnya terpaksa menyerah kepada nasib.

Tinjauan Metroplus mendapati dakwaan nelayan di kawasan terbabit berasas apabila hanya sebahagian sampan dan bot nelayan berlindung di belakang tembok pemecah ombak terbabit manakala selebihnya terpaksa diikat di tepi pantai sekali gus terdedah kepada bahaya.

Justeru, nelayan di kawasan terbabit merayu supaya pihak terbabit khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri bertindak segera dengan memanjangkan kerja menambak tembok sehingga 500 meter lagi untuk kemudahan mereka.

Ahli Jawatankuasa Unit Nelayan Sungai Batu, Azhar Najamuddin, 41, berkata tembok pemecah ombak itu digunakan sebagai tempat berlindung ketika cuaca buruk khususnya ketika angin kencang dan ombak besar.

"Ada antara nelayan mengadu

sampan dan bot mereka mengalami kerosakan selepas dihempas ombak sekali gus kerugian lebih RM2,000 untuk kos membaiki baru-baru ini," katanya.

Jika sampan itu karam dipukul ombak, nelayan tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa mencari modal antara RM8,000 dan RM10,000 bagi membeli sampan baru, manakala RM12,000 lagi untuk enjin.

Nelayan yang hanya bergantung hidup dengan mencari rezeki dengan pendapatan tidak menentu sudah pasti mendorong mereka untuk membuat pinjaman.